



**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL 6/2025
GARIS PANDUAN PROGRAM PERKONGSIAN MADANI “TEH TARIK *SESSION*”**

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi panduan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri berhubung konsep pelaksanaan **Program Perkongsian Madani “*Teh Tarik Session*”**

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Malaysia MADANI adalah kerangka dasar pembangunan negara yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bagi memacu kemajuan secara menyeluruh dan seimbang bagi mentadbir negara dengan berkesan.
- 2.2 Pendekatan utama MADANI adalah berteraskan enam nilai iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Keyakinan, Hormat dan Ihsan yang menjadikan dasar-dasar Kerajaan lebih bersikap kemanusiaan dan membuka peluang penambaan berterusan melalui maklum balas rakyat di semua peringkat.
- 2.3 Walaupun Malaysia MADANI telah diperkenalkan secara rasmi, pemerhatian di lapangan menunjukkan tahap pemahaman terhadap konsep ini masih berbeza-beza dalam kalangan pegawai Kerajaan, jentera perpaduan dan masyarakat umum.
- 2.4 Kekurangan kefahaman ini boleh menyebabkan mesej yang disampaikan kepada masyarakat tidak seragam, malah berpotensi menimbulkan salah tafsir atau persepsi negatif terhadap dasar Kerajaan.
- 2.5 Sebagai barisan hadapan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat, pegawai dan jentera perpaduan hendaklah dilengkapi dengan kefahaman yang mendalam serta kemahiran menyampaikan naratif Malaysia MADANI secara tepat, mudah difahami dan bersesuaian dengan pelbagai lapisan masyarakat.

- 2.6 Justeru sesi perkongsian maklumat MADANI *"Teh Tarik Session"* adalah merupakan platform yang bijak dan berkesan dalam menyebarkan maksud serta naratif MADANI kepada semua peringkat kumpulan sasar

3. OBJEKTIF PROGRAM

- 3.1 Memberi kefahaman berkaitan dengan konsep, nilai dan matlamat Malaysia MADANI sebagai hala tuju pembangunan negara.
- 3.2 Menyemai kesedaran dan memupuk penghayatan (6) enam teras MADANI dalam kehidupan rakyat untuk kesejahteraan bersama.
- 3.3 Menggalakkan amalan dan pelaksanaan Malaysia MADANI dalam aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan pentadbiran negara.

4. RASIONAL PROGRAM

4.1 Kekurangan Kefahaman Menyeluruh

Pemerhatian di lapangan mendapati masih terdapat pegawai dan masyarakat yang belum memahami maksud sebenar Malaysia MADANI termasuk nilai teras, matlamat dan peranan mereka dalam menjayakan agenda ini.

4.2 Kesegaraman Naratif MADANI

Keperluan keseragaman mesej dan penjelasan dalam kalangan pegawai perpaduan dan jentera perpaduan dalam memastikan maklumat yang disampaikan kepada masyarakat adalah tepat, konsisten dan tidak bercanggah.

4.3 Penyepaduan Nilai MADANI Dan Program Perpaduan

Memastikan nilai MADANI dapat diintegrasikan secara sistematik dalam perancangan dan pelaksanaan semua program perpaduan.

4.4 Memperkukuh Kepercayaan Masyarakat Terhadap Dasar Kerajaan

Memberikan jawapan dan merungkai keraguan serta persoalan masyarakat mengenai MADANI dengan hujah yang tepat dan meyakinkan dalam meningkatkan keyakinan terhadap dasar Kerajaan.

4.5 Pembudayaan Aspirasi MADANI Dalam Kehidupan Sehari-hari

Perkongsian maklumat pembudayaan nilai MADANI secara praktikal dalam kehidupan sehari-hari dalam memastikan dasar ini relevan dan bermanfaat dalam setiap aspek kehidupan.

5. KONSEP PELAKSANAAN PROGRAM

Tentatif pelaksanaan adalah seperti berikut:

Tempoh : 20 Minit

Kaedah : Sesi taklimat dan perkongsian informasi MADANI.
Pendekatan melalui temu bual, video pendek dan menggunakan contoh naratif lapangan.

6. KANDUNGAN SESI PERKONGSIAN

Cadangan kandungan tajuk atau topik yang dibincangkan adalah seperti berikut:

6.1 Pengenalan Malaysia MADANI

- Maksud MADANI
- Rasional dan matlamat utama

6.2 Nilai teras MADANI

- Penjelasan enam (6) nilai utama MADANI:
 - i. Kemampanan
 - ii. Kesejahteraan
 - iii. Daya Cipta
 - iv. Keyakinan
 - v. Hormat
 - vi. Ihsan

6.3 Kaitan nilai MADANI dengan Dasar Perpaduan

- Bagaimana nilai MADANI disepadukan dalam Dasar Perpaduan Negara

6.4 Aplikasi Nilai MADANI dalam Program Perpaduan. Berikut merupakan contoh Program Perpaduan :

- Gerak Integrasi Perpaduan
- Citra Negaraku
- Program Jalinan Integrasi Nasional
- Program Jiranku Keluargaku
- Program Sayangi Komuniti

7 IMPAK PELAKSANAAN SESI PERKONGSIAN NILAI MADANI

Pegawai dan jentera perpaduan mampu:

- Memahami konsep MADANI secara menyeluruh
- Mengaplikasikan nilai MADANI dalam tugas dan program harian
- Menjadi agen penyebar maklumat MADANI kepada masyarakat

8 LAPORAN PROGRAM

8.3 Laporan program yang dilaksanakan perlu dihantar ke urus setia **(3) tiga bulan sekali (4 kali setahun)**

8.4 Laporan tersebut juga boleh dihantar secara *hardcopy* atau *softcopy* ke alamat berikut:

Unit Integrasi Nasional
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Emel : norsaila@perpaduan.gov.my;
siti.atiqah@perpaduan.gov.my;
nurhanani@perpaduan.gov.my.

8.5 Format pelaporan adalah seperti yang di Lampiran B.

8.6 JPNIN Negeri perlu bersedia dengan:

- a) Sekurang-kurangnya **enam (6) keping gambar** setiap aktiviti yang akan dilaksanakan.

9 PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

9.3 Garis panduan ini terpakai kepada semua JPNIN Negeri.

9.4 JPNIN Negeri diminta untuk memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan program ini.

10 RUMUSAN

Diharapkan dengan adanya garis panduan ini, pelaksanaan program ini dapat dilaksanakan dengan lebih teratur di peringkat negeri.

11 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Integrasi Nasional
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULKIFLI BIN HASHIM)

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Kementerian Perpaduan Negara